
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

YWP 325 – Penulisan dan Pelaporan Sains

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **DUA [2]** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada dua soalan hanya dua soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Perbezaan cara kerja dan persepsi saintis serta wartawan adalah antara faktor yang menyulitkan proses pelaporan sains. Bincangkan cabaran dan kekangan yang dihadapi wartawan sains ekoran perbezaan tersebut.
2. Hazen dan Trefil [1991] dan Shen [1975] berhujah tentang kepentingan rakyat biasa mendapat maklumat dan kefahaman tentang isu-isu sains yang mungkin mempengaruhi kehidupan seharian. Bincangkan, berserta contoh, apa yang sarjana tersebut maksudkan dengan literasi sains dan kepentingannya kepada orang awam.
3. Satu keperluan penting dalam pemberitaan sains dan alam sekitar ialah menterjemah istilah, konsep dan idea yang rumit agar dapat difahami oleh orang awam. Huraikan kaedah-kaedah yang boleh digunakan oleh pemberita sains untuk membantu pembaca memahami penulisannya.
4. Menurut Richard F. Harris [dalam Blum dan Knudson, 1997: 166-172], wartawan yang membuat liputan isu-isu risiko perlu menangani berita tersebut daripada tiga sudut berbeza pada masa yang sama. Bincangkan apa yang beliau maksudkan dengan penanganan tiga sudut berbeza tersebut.